

KTPK 18/4/2.01Jld.4/(74)



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

28 Ogos, 1996.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.4 TAHUN 1996
Pengeluaran Nombor Lot Bagi Tanah Yang Telah Dan Akan Diukur Bagi
Tujuan Awam Ke arah Pewujudan Pangkalan Data Ukur Kadaster
Di Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan supaya tanah-tanah yang diukur selain dari tujuan pemberimilikan (iaitu bagi tujuan awam) diberi nombor lot mengikut amalan biasa bagi membantu melengkapkan Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri (JUPN).

2. Latarbelakang

- 2.1 Mengikut amalan di beberapa JUPN sekarang, tanah yang diukur selain dari tujuan pemberimilikan (iaitu bagi tujuan awam) seperti Tanah Lapang, Kawasan Hijau, Dewan Serbaguna, Taman Permainan dan lain-lain untuk tujuan awam, tidak diperuntukkan nombor lot disebabkan tanah-tanah tersebut tidak memerlukan surat hakmilik dikeluarkan. Namun demikian terdapat juga amalan oleh beberapa JUPN yang memperuntukkan nombor lot bagi tanah-tanah tersebut.
- 2.2 Proses pewujudan PDUK di JUPN memerlukan setiap tanah berbentuk poligon yang telah dan akan diukur, diberi nombor pengenalan masing-masing bagi membolehkan tanah-tanah tersebut dipanggil balik dan dikenalpasti secara khusus (enquiry) apabila maklumat mengenainya diperlukan.
- 2.3 Sehubungan dengan itu adalah wajar supaya satu ketetapan dibuat untuk menyeragamkan amalan sekarang serta melicinkan proses pewujudan PDUK

di JUPN dengan memperuntukkan nombor lot sebagai nombor pengenalan kepada setiap tanah tersebut.

3. Peruntukan Nombor Lot Bagi Tujuan Awam

3.1 Nombor lot hendaklah diperuntukan bagi tanah yang diukur selain dari tujuan pemberimilikan iaitu (bagi tujuan awam) seperti Tanah Lapang, Kawasan Hijau, Dewan Serbaguna, Taman Permainan dan lain-lain untuk tujuan awam. Peruntukan nombor lot hendaklah mengikut siri dalam Daftar Lot bagi :

- a) Tanah yang telah diukur dan Pelan Akui diluluskan
- b) Tanah yang akan diukur (sama ada Pelan Akui disediakan melalui ukuran atau susunan).

3.2 Peruntukan nombor lot bagi lot-lot yang diukur secara "in anticipation"

Lot-lot yang diukur sebelum penerimaan Permohonan Ukur (in anticipation) hendaklah juga diperuntukan nombor lot supaya mudah dikenalpasti apabila diperlukan.

3.3 Catatan di atas Pelan Akui yang telah diluluskan

Penambahan nombor lot di atas Pelan Akui yang telah diluluskan hendaklah dibuat dengan warna merah dan disokong oleh satu kenyataan mengenai sebab-sebab penambahan tersebut serta disahkan oleh Pengarah Ukur seperti berikut;

Adalah disahkan bahawa tanah-tanah untuk tujuan awam diperuntukan nombor lot..... bagi pewujudan PDUK.

T. T. Pengarah

Ukur

Tarikh :

3.4 Prosidur mengeluarkan nombor lot mengikut amalan sekarang hendaklah dipatuhi.

4. Maklumat Penggunaan Tanah Diatas Pelan Akui

Catatan mengenai penggunaan tanah seperti Tanah Lapang, Kawasan Hijau, Dewan Serbaguna, Taman Permainan dan lain-lain hendaklah dibuat di atas lot berkaitan.

5. Kerja-kerja semakan di lapangan

Kemungkinan timbul keperluan untuk membuat ukuran semakan di lapangan terutamanya bagi ukuran lama dimana maklumat-maklumat yang dicatatkan di atas Pelan Akui dan rekod-rekod yang berkaitan tidak jelas. Dalam hal ini Pengarah Ukur hendaklah mengkaji keperluan yang berbangkit dan mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan ketetapan ini.

6. Pelaksanaan

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pengeluarannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(DATO'ABDUL MAJID BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran kepada:

Semua Pengarah Ukur Negeri
Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian(Ukur Geodetik)
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)